

28/01/1997

MBM mahu anjur program dekati belia

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Belia Malaysia (MBM) akan menggunakan pendekatan strategik dan berkesan bagi menangani masalah remaja yang terbabit dengan budaya negatif dari Barat, khususnya 'punk' dan 'skinhead'.

Presidennya, Suhaimi Ibrahim, berkata pendekatan yang akan dilaksanakan ialah mendekati golongan berkenaan dan menganjurkan program mengikut keinginan mereka sebelum menyuntik nilai positif secara perlahan-lahan.

Sehubungan itu, katanya, pada masa ini MBM sedang menjalankan kajian secara rambang bagi mengenal pasti bilangan dan tempat yang menjadi tumpuan golongan terbabit.

Menurutnya, selepas mengenal pasti kawasan yang akan dijadikan sasaran, MBM akan mengedarkan risalah mengenai program yang disediakan kepada remaja terbabit, sekali gus menarik mereka menyertainya.

"Golongan ini adalah kumpulan terpinggir daripada sebarang program yang dilakukan oleh kerajaan atau mana-mana persatuan. Oleh itu, MBM mengambil pendekatan mendekati mereka dalam usaha mengajak kembali ke pangkal jalan.

"Kita tidak boleh terus memulau kumpulan ini kerana ia akan memburukkan keadaan, sebaliknya mendekati golongan ini dan mengadakan program yang tidak membebankan dan boleh diterima oleh mereka," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai remaja tempatan yang meniru budaya Barat seperti 'punk' dan 'skinhead' yang boleh merosakkan kehidupan.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut kesal dengan perkara itu dan menyifatkan remaja berkenaan sebagai bodoh dan sombong kerana meniru budaya negatif.

Suhaimi berkata, walaupun golongan remaja itu mengamalkan budaya negatif, mereka tidak boleh dipulau dan terus dipinggirkan oleh masyarakat kerana ia boleh menimbulkan masalah besar pada masa depan.

Katanya, jika remaja itu dipulau, mereka akan terus mengamalkan budaya negatif dan amalan mereka terus berkembang sehingga boleh menjejaskan keselamatan negara.

(END)